

TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
AUDITORIUM DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
UPACARA PELANCARAN BUKU "WARISAN NUSA: THE SHELL BOOK OF
MALAYSIAN HERITAGE"
14 OGOS 1991

Yang Berbahagia Encik Jimmy Lim Yang di-Pertua Sahabat Warisan Malaysia; Yang Berbahagia Datuk Chris Knight Pengerusi dan Ketua Eksekutif Syarikat-syarikat Shell di Malaysia; Yang Berbahagia Tuan Yang Terutama- Tuan Yang Terutama Kedutaan Negara Asing di Malaysia; Dif-dif Kehormat; Tuan-Tuan dan Puan-puan,

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada penganjur-bersama majlis ini, Sahabat Warisan Malaysia dan Syarikat-Syarikat Shell Malaysia, kerana sudi menjemput saya untuk melancarkan buku "Warisan Nusa: The Shell Book of Malaysian Heritage" pada hari ini.

2. Sebagaimana kita sedia maklum, bangunan-bangunan warisan merupakan mata rantai yang menghubungkan masa lampau dengan masa akan datang. Pagi ini kita bertuah kerana dapat bersama-sama hadir di bangunan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kerana upacara perasmian. Bangunan ini merupakan antara bangunan-bangunan moden yang indah, yang telah dirancang dan dibangunkan dengan teliti untuk memenuhi kehendak-kehendak penduduk masa kini dan masa akan datang. Adalah diharapkan bangunan ini dan bangunan-bangunan terkemuka yang lain akan membentuk warisan bagi masa-masa akan datang.

Tuan-tuan dan puan-puan,

3. Malaysia merupakan negara baru dan moden dan kita berbangga apabila para pelawat memuji bangunan-bangunan moden kita yang mengkagumkan. Walau bagaimanapun, di kebelakangan ini kita juga diberi tahniah di atas bangunan-bangunan kita yang lebih tua tetapi masih indah. Para pelancong dari seberang laut agak terpesona dengan deretan dan perbandingan gaya yang bermacam-macam dengan berbagai-bagai jenis bangunan yang mengkagumkan.

4. Oleh yang demikian kita digalakkan untuk mengekalkan bangunan-bangunan lama agar dapat menarik lebih ramai pelancong-pelancong ke negara ini kerana pelancongan merupakan sumber yang penting dalam perkembangan ekonomi negara.

5. Namun begitu saya percaya masanya sudah tiba bagi kita mengemukakan suatu tujuan baru kepada pengekalan bangunan-bangunan lama yang terkenal. Bangunan-bangunan warisan kita adalah untuk kesukaan kita sendiri, dan kita sendiri mengkagumi berbagai-bagai pengaruh yang terdapat pada masa silam kita. Kita dapat melihat bagaimana nenek moyang kita merekabentuk bangunan-bangunan yang dapat dipadu dengan persekitaran yang semulajadi dan dibangun sedemikian rupa supaya serasi dengan apa yang telah sedia wujud pada masa itu. Penjagaan bangunan-bangunan

warisan membolehkan para perancang kita untuk meneliti trend-trend masa silam, untuk dicontohi atau disesuaikan dengan yang berguna dan menghindari apa yang tidak. Warisan kita akan memberi kita arah penting untuk masa-masa akan datang.

Tuan-tuan dan puan-puan,

6. Saya telah diberitahu bahawa salah satu ciri menarik bangunan-bangunan yang lebih lama (dan terutamanya bangunan zaman Sebelum Perang) adalah kualiti ketukangan yang tinggi. Ciri ini mulai terserlah pada tahun-tahun terakhir ini, hasil daripada pemeriksaan ke atas bangunan-bangunan yang lebih lama semasa kerja-kerja pengubahsuaian. Sesetengah teknik tersebut mempunyai nilai sejarah sebagai rakaman suatu cara hidup masa silam. Bagaimanapun sesetengahnya, seperti teknik-teknik memaksimumkan peredaran udara (ventilation) masih lagi dapat dijadikan petunjuk dalam kaedah-kaedah preservation rangka bangunan-bangunan dalam keadaan cuaca kita yang panas.

7. Beberapa ciri lain yang berfaedah yang boleh kita pelajari adalah jenis-jenis bumbung yang boleh menahan daripada hujan tropika yang lebat dan mengurangkan masalah kebocoran dan peparitan; juga cara sesebuah bangunan mendapatkan perlindungan daripada bahang matahari tetapi membolehkan pula kemasukan cahaya yang cukup; dan bagaimana untuk mendapatkan fasiliti-fasiliti ini dan pada masa yang sama menghasilkan suatu struktur yang cantik dipandang. Titik tolaknya haruslah bermula daripada apa yang telah sedia ada dengan penyesuaian dibuat kepada bangunan-bangunan berkualiti untuk mewujudkan suatu senibina yang benar-benar bersifat Malaysia.

Tuan-tuan dan puan-puan,

8. Kita harus pastikan anak-anak kita menyedari bahawa mereka adalah sebahagian daripada mata rantai yang merentang dari masa lampau ke masa akan datang. Kita harus pastikan mereka tidak memutuskan mata rantai itu dan menjadi terasing daripada budaya dan warisan mereka. Bersama dengan kesedaran akan warisan Malaysia yang khusus dan unik ini akan timbullah rasa tanggungjawab untuk mempertahankan bangunan-bangunan yang berkualiti di negara ini.

9. Pengajaran sejarah negara kita di sekolah-sekolah sentiasa menjadi bahagian terpenting daripada Kurikulum Sekolah. Baru-baru ini, Kementerian Pendidikan telah menyedari bahawa sesuatu yang penting adalah diperlukan untuk membantu anak-anak menterjemahkan pengetahuan akademik mereka ke dalam pengalaman hidup mereka sehari-hari. Maka pelajaran-pelajaran Manusia dan Alam Sekitar dan Kemahiran Hidup telah diperkenalkan. Menerusi program ini anak-anak kita menjadi lebih berkemampuan untuk menghargai persekitaran mereka termasuklah bangunan-bangunan yang terdapat dan ini bermakna bukan sahaja bangunan-bangunan hebat yang mempunyai kepentingan kebangsaan bahkan juga rumah-rumah kampung, rumah-rumah kedai, banglo ataupun kondominium tempat mereka tinggal.

Apabila mereka telah meresapi ciri-ciri kejiranan mereka sendiri, mereka akan mampu untuk meneliti ciri-ciri perbandingan senibina Malaysia dan menghargainya.

Tuan-tuan dan puan-puan,

10. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Sahabat Warisan Malaysia di atas daya usaha mereka untuk menerbitkan video "The Living Past For The Future" yang telah diterbitkan untuk kegunaan dalam program Kemahiran Hidup di Sekolah- Sekolah Menengah Rendah. Saya percaya usaha ini akan dapat membantu menanamkan ke dalam diri anak-anak kita suatu penghargaan kepada bangunan-bangunan warisan kita yang indah dan mempunyai nilai budaya yang tinggi.

11. Kita berkumpul pada hari ini untuk memeriahkan pelancaran buku "Warisan Nusa: The Shell Book Of Malaysia Heritage". Telah kita dengar bagaimana buku ini mengambil bentuk dan berkembang, dari peringkat awal timbulnya idea, melalui proses pelaksanaan menjadikannya sebuah buku dan seterusnya pengelolaan majlis pada hari ini. Buku ini akan dipamerkan di Frankfurt Book Fair pada bulan Oktober tahun ini di mana ia akan menjadi utusan warisan Malaysia pada peringkat antarabangsa. Di tanahair sendiri keuntungan daripada jualan buku ini akan digunakan untuk memulihkan sebilangan daripada bangunan bagi faedah generasi-generasi yang akan datang. Sesungguhnya ini merupakan suatu projek yang patut mendapat sokongan kita.

12. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian akan berpeluang untuk melihat sesetengah coretan dan gambar-gambar cetakan yang asli yang dipamerkan pada dinding di sekeliling kita.

13. Biar yang mana satupun merupakan "favourite" khusus kepada tuan-tuan dan puan-puan, saya tidak syak lagi kita semua adalah bersatu dalam kekaguman kita akan kemahiran artistik Ilse Noor mahupun ketabahannya dalam mencari kisah- kisah di sebalik bangunan-bangunan itu sendiri. Saya amat gembira kerana mendapat peluang untuk membaca teks buku ini dan saya terpesona dengan cerita Ilse tentang kembaranya dan watak-watak yang ditemuinya sepanjang beliau melakukan penyelidikan mahupun menyiapkan lukisan-lukisannya.

14. Buku ini juga memperingatkan kita tentang betapa tiadanya tukar ganti bagi bangunan-bangunan tersebut. Terdapat juga sedikit sebanyak keterangan yang menyedihkan tentang bangunan-bangunan indah menjadi pudar dalam kenangan bersama keruntuhannya. Sementara sebilangannya memang sudah tidak mungkin dapat diselamatkan lagi, saya harap nasib yang menimpa bangunan-bangunan yang sebilangan itu akan menggerakkan usaha yang lebih tekun untuk menyelamatkan yang lain-lain. Marilah kita sama-sama berazam untuk memastikan kesinambungan rantai warisan kita tidak terputus.

Tuan-tuan dan puan-puan,

15. Saya juga ingin memberi penghormatan kepada kerja keras dan pemikiran yang

serius mereka yang telah melibatkan diri dalam perancangan dan penerbitan "Warisan Nusa: The Shell Book of Malaysian Heritage". Puan Adibah Amin telah menterjemahkan teks bahasa Malaysia yang sungguh indah. Penerbitnya, Pustaka Cipta Sdn. Bhd. telah menerbitkan sebuah buku yang cemerlang.

16. Di atas kemurahan hati penaja dan pendukung projek penerbitan ini, Syarikat-syarikat Shell di Malaysia sudah sewajarnya diberikan setinggi kepujian. Buku ini, saya percaya, akan memberi sumbangan penting kepada kesusasteraan dan seni tanah air kita. Ia juga merupakan bukti nyata bagi bangunan-bangunan itu sendiri -- bahawa sesungguhnya ia "Warisan Nusa" kita.

Tuan-tuan dan puan-puan,

17. Sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi terima kasih kepada para penganjur kerana sudi menjemput saya pada hari ini. Dengan segala sukacitanya saya merasmikan pelancaran buku: WARISAN NUSA: The Shell Book Of Malaysian Heritage.